



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Teknik Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Bagi Orang Kurang Upaya Penglihatan di Darul Quran

(Learning Techniques in Tahfiz Al-Quran for Visually Impaired Students at Darul Quran)

Siti Nor Azimah Sabaruddin^{1*}, Mohd Ridhuwan Remly²

¹Pusat Asasi UiTM, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil 43800 Dengkil, Selangor, Malaysia

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

Keywords:

Darul Quran
people with disabilities
tahfiz
visually impaired

Katakunci:

Darul Quran
orang kurang upaya
penglihatan
tahfiz

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.15>

ABSTRACT

The Tahfiz Al-Quran program offered to the visually impaired at Darul Quran has provided this group with the opportunity to officially memorize the Quran together. This study, therefore, aims to identify the learning techniques of Tahfiz Al-Quran practised by the visually impaired and further analyse the differences in methods compared to those practised by the non-visually impaired group. This study employs a qualitative approach by analysing documents related to tahfiz learning for individuals with disabilities, as well as conducting interviews and in-depth observations of eight visually impaired tahfiz students at Darul Quran. The results of the study reveal eight techniques used in tahfiz learning, namely the techniques of reading and perfecting tilawah, tikkar (repetition), determining the rate of memorisation, selecting appropriate times, focusing on specific verses, using the same mushaf, individual memorisation, and voice intonation. These techniques have successfully enhanced memorisation achievement and maintained consistent memorisation performance each semester. The findings of this study are significant as they serve as a guide for the next generation of visually impaired huffaz to better understand the techniques for memorising the Quran within the specified time.

ABSTRAK

Penawaran program tahfiz al-Quran bagi Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan di Darul Quran telah memberi peluang kepada golongan ini untuk turut sama menghafaz al-Quran secara formal. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti teknik pembelajaran tahfiz al-Quran yang dipraktikkan oleh golongan OKU penglihatan serta menganalisis perbezaan kaedah yang diamalkan berbanding golongan bukan OKU. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melaksanakan analisis

^{1*} Corresponding author. *E-mail address:* sitiazimah@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.15>

dokumen yang berkaitan dengan pembelajaran tahfiz OKU, serta temu bual secara mendalam dan pemerhatian terhadap lapan (8) orang pelajar tahfiz OKU penglihatan di Darul Quran. Hasil kajian mendapati terdapat lapan (8) teknik pembelajaran tahfiz al-Quran yang digunakan, iaitu teknik membaca dan melancarkan bacaan, tiktir (pengulangan), menentukan kadar hafazan, pemilihan waktu, penumpuan ayat, mushaf yang sama, hafazan secara individu, dan intonasi suara. Lapan (8) teknik yang digunakan telah berjaya meningkatkan pencapaian hafazan mereka dan mengekalkan prestasi hafazan yang konsisten pada setiap semester. Dapatan kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan kepada generasi huffaz OKU penglihatan akan datang supaya dapat memahami teknik menghafaz al-Quran dengan mudah dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat tentang peri pentingnya pengajian agama Islam terbukti dengan hasrat ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah agama dan tahfiz al-Quran yang melebihi kapasiti yang dikhaskan. Akibatnya, muncul pelbagai pusat pengajian tahfiz atau Maahad Tahfiz, yang sebahagiannya ditubuhkan oleh kerajaan atau agensi tertentu, dan sebahagiannya oleh pihak swasta (Putung et al., 2024).

Namun begitu, perkembangan bidang tahfiz bagi Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan jauh ketinggalan berbanding golongan bukan OKU di Malaysia. Sehingga kini, tiada sebarang sekolah agama atau kelas agama yang dikhususkan kepada anak-anak istimewa dengan apa jua kategori kecacatan yang mendapat pendidikan al-Quran secara formal (Norakyairee & Nuruthoilah, 2017). Kajian Noornajihan et al. (2016) dan Siti Nor Azimah (2019) juga menyatakan bahawa sehingga kini, hanya Darul Quran (DQ) Kuala Kubu Bharu sahaja merupakan satu-satunya institusi kerajaan yang menyediakan pengajian tahfiz al-Quran bagi OKU penglihatan di peringkat sijil dan diploma. Situasi ini pastinya mendukacitakan bagi golongan istimewa di Malaysia kerana pendidikan al-Quran dan tahfiz seharusnya bermula di peringkat awal, iaitu peringkat rendah dan menengah. Kesan dan mutu hafazan pastinya lebih berkualiti serta terjamin jika pendidikan tahfiz dimulakan dari peringkat awal.

Pada 31 Disember 2008, program Pensijilan Tahfiz Al-Quran untuk Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) telah diperkenalkan buat julung kalinya. DQ telah dipilih sebagai institusi yang bertanggungjawab menyediakan program pengajian tahfiz al-Quran, tempat pengajian, serta kemudahan prasarana bagi pelajar OKU penglihatan. Program ini telah memberi peluang kepada golongan istimewa ini untuk sama-sama bertalaqqi dan menghafaz al-Quran melalui kaedah yang betul dan tepat bagi menyematkan al-Quran di dalam hati dan dada mereka, seterusnya mendapat gelaran 'huffaz al-Quran'. Pengambilan pertama program ini adalah seramai 18 orang pelajar sebagai perintis.

PERMASALAHAN KAJIAN

Setelah hampir 12 tahun pelaksanaan program tahfiz al-Quran bagi OKU penglihatan, program ini telah melalui pelbagai evolusi dalam memartabatkan pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. Sebagai institusi pertama yang menyediakan pengajian tahfiz al-Quran bagi OKU penglihatan, DQ terpaksa bereksperimen dengan tenaga pengajar dan pelajar bagi menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum yang dirangka pada awal penawaran program dilihat tidak mampu diikuti oleh para pelajar. Ini terbukti melalui pencapaian pelajar OKU penglihatan yang agak kurang memberangsangkan (Siti Nor Azimah et al., 2019).

Berdasarkan kajian Noornajihan et al. (2016), hanya lapan (8) daripada 18 pelajar Pensijilan Tahfiz Al-Quran untuk OKUMP yang berjaya menyambung pengajian di peringkat diploma pada tahun 2008. Begitu juga pada tahun 2016, hanya seorang daripada tujuh (7) pelajar yang berjaya menamatkan pengajian sijil. Melihat keadaan ini, DQ melakukan proses penjenamaan semula program kepada Sijil Asas Tahfiz pada tahun 2017. Melalui program ini, pencapaian pelajar dilihat lebih baik dan menunjukkan peningkatan. Kajian Sabaruddin et al. (2021) mendapati kesemua pelajar yang mendaftar berjaya menamatkan pengajian sijil dengan jayanya.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti teknik pembelajaran tahfiz al-Quran yang diamalkan oleh pelajar OKU penglihatan yang mempunyai keterbatasan pancaindera mata dan hanya bergantung kepada jari-jemari untuk membaca al-Quran. Ini kerana, kepelbagaian amalan pembelajaran memberikan impak yang berbeza-beza (Farah Ilyani et al., 2018) dan mempengaruhi pencapaian pelajar (Aznil Hashim, 2010). Hal ini disebabkan oleh keupayaan dan kemampuan individu yang berbeza-beza.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan reka bentuk kajian adalah kajian kes. Kajian kes digunakan kerana pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran berasaskan pengalaman dan pandangan peribadi pelajar (McMillan, 2004) serta dapat mengemukakan penerangan yang jelas dan menyeluruh (Creswell, 2003). Bagi mendapatkan data yang mendalam tentang teknik pembelajaran tahfiz OKU penglihatan, data diperoleh daripada hasil temu bual dengan peserta kajian di samping pemerhatian di dalam kelas dan analisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian. Setiap data disusun menggunakan tema dan kod-kod terpilih, kemudiannya dianalisis dalam perisian Atlas.ti 7.0. Data kajian dianalisis dalam bentuk naratif dengan memaparkan beberapa bentuk rajah dan jadual seperti yang disarankan oleh Creswell (2003) untuk memudahkan pembentangan hasil dapatan kajian ini.

Analisis daripada data-data ini membolehkan satu deskripsi atau gambaran mendalam tentang teknik pembelajaran OKU penglihatan di DQ dapat dilakukan. Peserta kajian yang dipilih terdiri daripada lapan (8) orang pelajar OKU penglihatan di DQ. Enam (6) daripadanya merupakan pelajar Diploma Tahfiz al-Quran (Syukbah Dakwah) dan dua (2) daripadanya merupakan pelajar Sijil Asas Tahfiz al-Quran dari tahun 2016 hingga 2018.

Kebolehpercayaan Analisis Indeks Koefisien Cohen Kappa (AICK)

Analisis Indeks Cohen Kappa telah diperkenalkan oleh Jacob Cohen dalam artikelnya yang bertajuk “*A Coefficient of Agreement For Nominal Scales*”. Beliau telah memperkenalkan satu kaedah untuk menentukan kebolehpercayaan data kualitatif dalam bentuk temu bual. Menurut Cohen (1960):

“the procedure which suggests itself is that of having two (or more) judges independently categorize a sample of units and determine the degree, significance, and sampling stability of their agreement”

Ini bermakna analisis indeks koefisien Cohen Kappa (AICK) dapat menentukan kebolehpercayaan data dengan mencari darjah persetujuan unit analisis dengan tema atau konstruk yang dikaji di antara penilai-penilai.

Persetujuan pakar dianalisis bagi menentukan kebolehpercayaan data setelah pengkaji mendapatkan maklum balas daripada borang persetujuan pakar. Indeks kebolehpercayaan Cohen Kappa bagi penyelidikan ini secara keseluruhannya adalah $K = 0.82$. Nilai koefisien Cohen Kappa yang melebihi 0.75 menunjukkan persetujuan terbaik ke atas 50 peratus jangkakan persetujuan, nilai koefisien Cohen Kappa

0.40 hingga 0.60 menunjukkan nilai sederhana ke atas peratus jangkaan persetujuan, dan nilai koefisien Cohen Kappa 0.40 dan ke bawah dianggap lemah kerana berada di bawah 50 peratus jangkaan persetujuan.

Kategori konstruk beserta definisi operasional bagi setiap kategori, tema utama, dan sub tema yang dibentuk diserahkan kepada tiga (3) orang pakar untuk Analisis Indeks Persetujuan Koefisien Cohen Kappa bagi membuat pengiraan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Nilai persetujuan setiap pakar dicatat secara berasingan dan kemudian diagregatkan bagi mendapatkan satu nilai persetujuan secara keseluruhan. Nilai tersebut menggunakan formula Cohen Kappa seperti berikut:

$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	
Di mana	<ul style="list-style-type: none"> K - Nilai Perkali fa - Unit Persetujuan fc - 50% Jangkaan Persetujuan N - Bilangan Unit yang di uji Persetujuan

Jadual 1 Pengiraan Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Antara Pakar Penilai

Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Pakar 1	Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Pakar 2	Nilai Persetujuan Kappa Koefisien Pakar 3	Purata Keseluruhan Nilai Persetujuan Kappa Koefisien
$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	$K = \frac{1.0 + 0.9 + 0.75}{3}$
$K = \frac{40 - 20}{40 - 20}$	$K = \frac{38 - 20}{40 - 20}$	$K = \frac{35 - 20}{40 - 20}$	$K = \frac{2.65}{3}$
K=1.0	K=0.9	K=0.75	K=0.88

Sumber: Siti Nor Azimah, 2019

Bagi menentukan kebolehpercayaan data, pengkaji telah merujuk kepada tiga (3) orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing, yang terdiri daripada kepakaran dalam bidang pendidikan tahfiz, pendidikan khas dan penyelidikan dari dua (2) buah universiti yang berbeza seperti berikut:

Jadual 2 Senarai Panel Pakar Kesahan Tema Data Kualitatif

Bil	Nama	Wakil	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran	Tahap Persetujuan
1.	Pakar A	Fakulti Pengajian Islam (UKM)	Pensyarah Kanan	Pengajian Quran dan Sunah	1.0
2.	Pakar B	Fakulti Pengajian Quran dan Sunah (USIM)	Prof. Madya	Pengajian Quran dan Sunah	0.9
3.	Pakar C	Fakulti Pengajian Quran dan Sunah (USIM)	Pensyarah	Pengajian Quran dan Sunah	0.75

Sumber: Siti Nor Azimah, 2019

DAPATAN DAN ANALISIS

Teknik pembelajaran tahfiz yang berkesan memainkan peranan penting dan mempengaruhi pencapaian hafazan pelajar. Teknik merujuk kepada unit-unit kecil dalam kaedah pembelajaran yang merangkumi *tikrar*, penentuan kadar hafazan, penggunaan *mushaf* khusus, dan lain-lain. Kepelbagaian kaedah dan teknik yang diaplikasikan dalam proses pembelajaran memainkan peranan signifikan dalam penguasaan pembelajaran pelajar (Mohammad Asraff Ayob al-Hafiz, 2013). Justeru, seorang hafiz al-Quran perlu memilih cara yang efektif, singkat masanya, dan kekal hafazannya. Begitu juga dengan golongan hafiz

OKU penglihatan di DQ. Teknik pembelajaran yang sesuai perlulah dipilih dan diaplikasikan mengikut kesesuaian diri, sama ada dari segi keberkesanan, masa yang diperuntukkan, dan sejauh mana kaedah tersebut mampu mengekalkan hafazan mereka.

Terdapat lapan (8) teknik pembelajaran tahfiz al-Quran yang digunakan, iaitu membaca dan melancarkan bacaan, *tikrar*, menentukan kadar hafazan, pemilihan waktu, penumpuan ayat, penggunaan *mushaf* yang sama, menghafaz secara individu, dan intonasi suara. Kelapan-lapan teknik ini dihuraikan melalui temu bual serta disokong oleh data pemerhatian yang dijalankan di lokasi kajian.

1. Membaca dan Melancarkan Bacaan

Teknik pertama yang diamalkan oleh semua pelajar OKU penglihatan ialah membaca dan melancarkan bacaan. Ia dilakukan sebelum mula menghafaz al-Quran sebagaimana yang dianjurkan oleh DQ. Kesemua responden, iaitu P01, P02, P03, P04, P05, P06, P07, dan P08, mengamalkan teknik ini, dan ia telah terbukti berkesan apabila diaplikasikan dalam diri mereka. Sebelum menghafaz ayat yang baru, pensyarah *tasmi'* menyarankan kesemua pelajar OKU penglihatan membaca lebih daripada 30 kali atau sehingga lancar dan dapat menyebut semua makhras huruf dengan tepat. Bagi ayat yang pendek, pelajar dikehendaki membaca kesemua ayat sekaligus dan mengulangnya sebanyak 30 kali. Bagi ayat yang panjang pula, pelajar disarankan membaca ayat sehingga tanda wakaf dan mengulangnya 30 kali atau sehingga lancar. Begitulah langkah tersebut diulang-ulang sehingga selesai akhir ayat yang ingin dihafaz.

Kekerapan ulangan bacaan ini disarankan kerana OKU penglihatan bergantung sepenuhnya kepada jari-jemari untuk merasa dan membaca al-Quran, berbeza dengan golongan normal yang menggunakan pancaindera mata untuk melihat dan membaca ayat-ayat al-Quran. Ini merupakan satu kaedah penting yang perlu diamalkan bagi menguatkan dan mengukuhkan hafazan supaya kekal lama dalam ingatan. Dapatan temu bual berkaitan teknik ini adalah seperti berikut:

Mula-mula, saya akan baca dulu ayat tu, bagi kenal dulu, sampai lancar. Baca berulang-ulang kali. Kalau ayat senang, saya baca 5-10 kali. Kalau ayat susah, saya akan baca 10-15 kali. Lepas ayat tersebut lancar, barulah saya mula menghafaz.

(TBP01: 14:14)

Teknik membaca dan melancarkan bacaan ini sesuai diaplikasikan oleh pelajar tahfiz dan merupakan salah satu teknik yang digariskan kepada pelajar DQ (Mohd Toriq & Abdul Razak, 2017). Secara praktikalnya, pelajar disarankan untuk membaca dan melancarkan bacaan ayat pertama secara berulang kali, iaitu 10 kali atau lebih. Setelah bacaan lancar, barulah pelajar mula menghafaznya. Apabila selesai menghafaz ayat pertama, pelajar boleh berpindah ke ayat kedua. Ayat kedua juga dibaca dan dilancarkan sebagaimana dilakukan pada ayat pertama tadi. Begitulah diteruskan untuk ayat-ayat hafazan seterusnya.

2. Tikrar

Tikrar merupakan teknik pengulangan hafazan ayat al-Quran beberapa kali sehingga dapat menghafaznya dengan baik. Kesemua responden, iaitu P01, P02, P03, P04, P05, P06, P07, dan P08, mengamalkan teknik ini semasa menghafaz al-Quran.

P03 dan P04 menggunakan teknik *tasalsuli* (rangkaian) ketika menghafaz al-Quran. Ia dilakukan dengan cara menghafaz ayat pertama sehingga dapat mengingatnya dengan baik dan lancar. Kemudian, responden menghafaz ayat kedua sehingga lancar. Setelah itu, responden mengulang kembali hafazan dari ayat pertama sehingga ayat kedua. Apabila yakin bahawa hafazan telah lancar, responden beralih pula ke ayat ketiga. Setelah selesai menghafaz ayat ketiga, responden mengulang kembali hafazan dari ayat pertama sehingga ayat ketiga. Begitulah teknik ini diulang-ulang sehingga selesai menghafaz keseluruhan ayat yang ingin dihafaz. Data temu bual mengenai teknik *takrir tasalsuli* adalah seperti berikut:

Saya akan ulang 2 @ 3 kali. Lepas tu, saya akan hafaz pula ayat yang kedua dan ulang berulang kali sampai lancar. Bila dah lancar ayat kedua, saya akan baca balik ayat yang pertama sampai ayat yang kedua. Begitulah seterusnya sampai akhir hafazan. Saya takut kalau tak ulang macam tu, saya akan lupa. Bila ulang banyak kali, ia akan lama kekal dalam ingatan.

(TBP04: 21:21)

Ini disokong oleh data pemerhatian berkenaan teknik *tikrar*:

P04 menghafaz surah al-A'raf ayat 1 sehingga ingat. Selepas yakin hafazannya telah betul-betul ingat, responden beralih ke ayat yang kedua sehingga ingat. Setelah itu, responden mengulang semula hafazan dari ayat yang pertama sehingga ayat yang kedua. Kemudian, responden menghafaz pula ayat yang ketiga. Begitulah teknik ini diulang-ulang sehingga ke akhir ayat yang ingin dihafaz.

(PP: P04)

P01 dan P06 pula menggunakan teknik *tikrar jam'iy*. Ia dilakukan dengan cara menghafaz ayat pertama sehingga selesai. Kemudian, barulah mereka beralih ke ayat yang kedua. Ayat kedua dihafaz sehingga lancar, dan seterusnya menghafaz ayat yang ketiga tanpa mengulang hafazan dari ayat pertama hingga ayat kedua. Setelah selesai menghafaz kesemua ayat, barulah responden mengulang kesemua hafazan dari ayat pertama sehingga ke ayat terakhir. Dapatan kajian mengenai teknik *tikrar jam'iy* ini adalah sebagaimana berikut:

Saya akan menghafaz kesemua ayat dan mengulang kesemuanya di akhir hafazan selama sepuluh kali. Contohnya, saya menghafaz ayat 1-10 dan mengulang kesemua ayat sebanyak sepuluh kali.

(TBP01: 1:10)

P01 menghafaz ayat yang pertama surah al-Mu'minun sehingga ingat. Kemudian, responden menghafaz pula ayat yang kedua sehingga ingat. Selepas itu, responden meneruskan hafazan ke ayat yang ketiga tanpa mengulang semula ayat yang pertama dan kedua. Begitulah hafazan diteruskan sehingga ke akhir ayat yang ingin dihafaz. Setelah selesai menghafaz kesemua ayat, barulah responden akan mengulang semula hafazan dari ayat yang pertama sehingga ayat yang terakhir.

(PP: P01)

Teknik *tikrar* ini merupakan salah satu teknik utama dalam pembelajaran al-Quran dan juga dikenali sebagai teknik latih tubi (Azmil Hashim, 2010) serta *murajaah*. *Tikrar* juga merupakan salah satu elemen dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang diutarakan dalam teori Al-Qabisi (1955). Walaupun teknik ini mungkin agak memenatkan, ia tetap merupakan salah satu teknik penting untuk memelihara kekuatan daya ingatan hafazan.

3. Menentukan Kadar Hafazan

Penentuan kadar hafazan juga merupakan salah satu teknik menghafaz al-Quran yang dipraktikkan sebelum menghafaz al-Quran. Bagi pelajar OKU penglihatan, pensyarah *tasmi'* menyarankan pelajar menghafaz mengikut *maqra'* al-Quran. Setiap juzuk terbahagi kepada lapan (8) *maqra'* (bersamaan dengan tiga (3) muka surat setengah hingga lima muka surat al-Quran Braille). Setiap minggu, pelajar perlu *tasmi'* hafazan sebanyak 2-3 *maqra'*. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu kewajipan kerana kualiti hafazan amatlah dititikberatkan berbanding kuantiti hafazan. P02, P03, P04, P06, P07, dan P08 menggunakan teknik ini mengikut kadar kemampuan mereka. Contoh data temu bual adalah sebagaimana berikut

Kalau ayat itu panjang, saya akan membahagikan separuh-separuh. Tapi, kalau ayat itu pendek, saya akan membahagikan kepada beberapa ayat. Tengok kepada jumlah ayat dalam 1 maqra' sebab saya tasmi' 1 maqra' sehari.

(TBP02: 32:32)

4. Pemilihan Waktu

Secara umumnya, tiada waktu khusus bagi menghafaz al-Quran. Pemilihan waktu menghafaz al-Quran adalah mengikut kesesuaian dan pilihan diri penghafaz al-Quran. Ada yang memilih waktu pagi, waktu petang, waktu malam ataupun tengah malam untuk menghafaz al-Quran, dan ada juga yang hanya mampu menghafaz al-Quran di dalam kelas *tasmi'* al-Quran sahaja. Walau bagaimanapun, bagi pelajar tahfiz yang mengikuti pengajian tahfiz secara formal di sekolah atau mana-mana institusi, mereka pastinya terikat dengan jadual pembelajaran yang telah ditetapkan. Justeru, pelajar tahfiz perlu memanfaatkan masa yang terluang dengan sebaik-baiknya untuk menghafaz al-Quran.

Pemilihan waktu menghafaz oleh responden terbahagi kepada dua keadaan, iaitu waktu kelas *tasmi'* dan waktu luar kelas *tasmi'*. Bagi waktu kelas *tasmi'*, P03 dan P04 memilih waktu ini bagi menghafaz al-Quran kerana mereka merasakan lebih bersemangat untuk menghafaz al-Quran apabila mendengar rakan-rakan yang lain turut sama menghafaz al-Quran. Walau bagaimanapun, mereka mengakui bahawa teknik ini tidak digalakkan oleh pensyarah *tasmi'* kerana masa yang ada sepatutnya dimanfaatkan untuk mengulang semula hafazan sebelum *tasmi'* di hadapan guru.

Selalunya saya akan menghafaz di dalam kelas kerana rasa lebih bersemangat.

(TBP03: 44:44)

Bagi waktu di luar kelas *tasmi'* pula, responden P01, P02, P05, P06, P07 dan P08 memilih untuk menghafaz al-Quran pada waktu tertentu seperti waktu pagi (sebelum atau selepas subuh), selepas maghrib sehingga isya', selepas isya' dan waktu tengah malam. Pemilihan waktu menghafaz di luar kelas *tasmi'* ini dilihat lebih bersesuaian dan menjadi pilihan kebanyakan responden kerana mereka dapat membaca serta mengulang hafazan tanpa perlu mengejar masa *tasmi'* di dalam kelas.

Selalunya saya akan memperuntukkan masa selepas subuh dan maghrib bagi menghafaz al-Quran. Pada waktu ini, saya tidak akan melakukan aktiviti lain selain menghafaz al-Quran.

(TBP08:37: 37)

Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Toriq & Abdul Razak (2017) yang menyatakan bahawa pelajar DQ lebih cenderung memanfaatkan masa lapang pada waktu malam bagi tujuan menghafaz al-Quran. Waktu yang menjadi pilihan ialah selepas waktu solat maghrib sehingga isya', diikuti oleh waktu selepas isya' hingga jam 10 malam, selepas waktu subuh hingga sekitar jam 7 pagi dan waktu selepas solat isya' hingga jam 11 malam.

5. Penumpuan Ayat

Di dalam al-Quran, terdapat beberapa ayat yang mengelirukan penghafaz al-Quran seperti ayat *mutaqaribat*, *mutasyabihat*, dan *mutamasilat*. Selain itu, terdapat juga beberapa ayat yang mengelirukan, seperti ayat yang sama dari awal hingga ke akhir ayat dan kategori ayat panjang yang menyukarkan proses hafazan. Justeru, teknik penumpuan terhadap kategori ayat yang mudah, sederhana, atau sukar perlu ditentukan oleh pelajar ketika menghafaz al-Quran.

Sebelum menghafaz al-Quran, responden P02, P03, P04, P06, P07, dan P08 terlebih dahulu membaca keseluruhan ayat demi ayat yang ingin dihafaz. Ini bagi memberi gambaran awal tentang masa dan komitmen yang diperlukan untuk menghafaz ayat-ayat tersebut. Menurut mereka, ayat-ayat yang panjang lebih sukar dihafaz kerana ia memerlukan tumpuan yang lebih jitu dan teliti. Di samping itu, kategori ayat

ini juga menyukarkan mereka mencari tempat waqaf yang bersesuaian dan memerlukan masa yang agak lama untuk menghafaznya. Kekurangan tumpuan terhadap kategori ayat ini pastinya menyukarkan proses hafazan.

Kalau ayat yang agak susah, saya akan menumpukan masa yang agak lama. Sebab ayat tu agak berbelit-belit. Contohnya adalah ayat 61 surah an-Nur. Ayat ni agak panjang, jadi susah sikit untuk ingat. Selain itu, ayat-ayat awal di surah al-Syu'ara juga agak mengelirukan kerana seakan-akan surah al-A'raf. Jadi, saya perlu tumpukan betul-betul supaya tidak terkeliru semasa tasmii' nanti.

(TBP03:40: 41)

6. *Mushaf yang Sama*

Pelajar tahfiz disarankan untuk menggunakan *mushaf* yang sama dari awal proses hafazan hingga khatam al-Quran. Penggunaan satu *mushaf* bagi menghafaz al-Quran bertujuan untuk memudahkan pelajar mengingat ayat-ayat yang dihafaz secara visual (*visual memory*). Ini kerana, dalam menghafaz al-Quran, pelajar bukan sahaja menghafaz ayat semata-mata, tetapi juga perlu mengingat susunan ayat, nombor ayat, halaman muka surat, dan sebagainya.

Namun, bagi pelajar tahfiz OKU penglihatan, penggunaan *mushaf* yang sama bukanlah satu kewajipan kerana terdapat sedikit perbezaan antara *mushaf* al-Quran al-Karim dengan al-Quran Braille. Bagi golongan tipikal, al-Quran al-Karim digunakan sebagai *mushaf* utama, manakala al-Quran Braille digunakan oleh OKU penglihatan. Golongan OKU penglihatan sama sekali tidak dapat membaca *mushaf* al-Quran al-Karim disebabkan keterbatasan pancaindera mereka. Walaupun dari segi fizikal, al-Quran Braille tidak sama dengan *mushaf* al-Quran al-Karim, namun bunyi dan bacaan yang dihasilkan tetap sama, dan tiada perbezaan.

Semua responden telah memiliki al-Quran Braille mereka sendiri sebelum menyambung pengajian di DQ. Al-Quran Braille ini adalah hasil sumbangan daripada pihak PERTIS dan telah digunakan oleh mereka untuk mempelajari al-Quran sejak di sekolah rendah lagi. Justeru, responden P03, P04, P06, dan P07 lebih selesa menggunakan al-Quran Braille yang sedia ada bagi menghafaz al-Quran di DQ. Dapatan kajian berdasarkan teknik penggunaan *mushaf* yang sama adalah seperti berikut:

Saya guna yang sama sejak dahulu lagi. Kalau ikutkan, al-Quran Braille sama je kalau di bawah terbitan PERTIS. Tapi, saya lebih selesa untuk gunakan al-Quran Braille yang sama.

(TBP06:29: 29)

Ini disokong oleh data pemerhatian berkenaan teknik *mushaf* yang sama:

P03, P04 dan P06 dilihat membawa al-Quran yang sama pada setiap hari. Walaupun kelihatan agak usang, mereka lebih selesa menggunakan al-Quran Braille yang dimiliki sendiri.

(PP : P03,04,06, P07)

Berbeza dengan P01, P02, P05, dan P08 yang bebas menggunakan mana-mana al-Quran Braille asalkan dari terbitan PERTIS. Pelajar juga perlu menggantikan sesetengah juzuk dengan naskah baru disebabkan oleh faktor tulisan Braille yang semakin pudar dan sukar dibaca. Justeru, mereka tidak perlu terikat dengan mana-mana *mushaf* al-Quran Braille yang sama dan tidak perlu membawa al-Quran Braille ke kelas dan asrama. Bagi tujuan pengajian di dalam kelas, DQ telah menyediakan beberapa set al-Quran Braille hasil sumbangan beberapa NGO untuk kegunaan pelajar tahfiz OKU penglihatan. Sumbangan yang diterima turut dimanfaatkan oleh pelajar untuk kegunaan di dalam dan di luar kelas.

Saya tak kisah menggunakan mana-mana al-Quran Braille asalkan ia dari terbitan PERTIS. Lagipun, al-Quran Braille mempunyai masalah tulisan terpadam disebabkan penggunaan yang kerap. Kadangkala kamu terpaksa menukar set yang baru. Namun, ia bukanlah dalam jangka masa yang pendek.

(TBP01:30: 30)

7. Menghafaz Secara Individu/Berseorangan

Teknik menghafaz al-Quran secara individu merupakan salah satu teknik yang disukai oleh pelajar DQ berbanding menghafaz secara berkumpulan. Apabila menghafaz secara bersendirian, seluruh tumpuan dan komitmen bacaan terfokus kepada ayat-ayat hafazan tanpa diganggu oleh mana-mana pihak. Ini memudahkan dan mempercepatkan proses hafazan al-Quran. Teknik ini memerlukan suasana yang tenang dan sunyi.

Begitu juga dengan pelajar tahfiz OKU penglihatan, semua responden P01, P02, P03, P04, P05, P06, dan P07 lebih suka menggunakan teknik menghafaz secara individu atau berseorangan berbanding menghafaz secara berteman. Teknik ini diamalkan setiap kali mereka ingin menghafaz ayat-ayat yang baru. Ini kerana, mereka merasakan teknik ini lebih sesuai dan selesa untuk dipraktikkan.

Saya juga suka menghafaz berseorangan. Duduk di dalam bilik sorang-sorang. Sebab bila saya tak dapat hafaz, saya akan syadid dengan diri sendiri. Maksudnya macam saya denda diri sendiri. Macam saya tutup kipas ke. Sebab bila dalam keadaan tertekan, kita akan cuba juga, usaha juga untuk menghafaz ayat tu sebab kita panas kan.

(TBP05:18:18)

8. Intonasi Suara

Intonasi suara juga mempengaruhi hafazan pelajar. Bagi teknik ini, suara yang kuat menjadi pilihan P01, P03, P07, dan P08 ketika menghafaz al-Quran. P01 menggunakan suara yang kuat ketika menghafaz ayat-ayat yang sukar dan menggunakan suara yang rendah apabila menghafaz ayat-ayat yang mudah. Manakala, P03 dan P08 pula menggunakan suara yang kuat bagi menaikkan semangat ketika menghafaz al-Quran. Berbeza dengan P07, yang lebih selesa menggunakan suara yang kuat sama ada dalam kelas *tasmi'* ataupun di asrama. Menurut beliau, kekuatan suara secara tidak langsung dapat membantu rakan mengesan kesilapan bacaannya.

Kalau menghafaz, suara saya agak kuat kerana lagi bersemangat. Kalau baca dengan slow, rasa kurang bersemangat.

(TBP03: 37:37)

Teknik penggunaan tahap dan intonasi suara yang berirama ini sesuai diaplikasikan sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Azmil Hashim (2010). Beliau menyatakan bahawa suara yang kuat atau berirama mampu menaikkan semangat, menarik minat, serta menghindari perasaan jemu ketika menghafaz. Bacaan secara berirama juga secara tidak langsung dapat menimbulkan perasaan minat untuk mendengar ayat tersebut dan membantu hafazan al-Quran dengan lebih baik

KESIMPULAN

Teknik pembelajaran tahfiz al-Quran yang digunakan oleh pelajar OKU penglihatan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan golongan normal dari segi pengamalan dan pengaplikasian. Daripada lapan (8) teknik yang diaplikasikan, hanya dua (2) teknik sahaja yang menunjukkan perbezaan signifikan berbanding golongan normal, iaitu penggunaan *mushaf* yang sama dan intonasi suara. Bagi teknik penggunaan *mushaf* yang sama, tiada keperluan bagi golongan OKU penglihatan untuk menggunakan

mushaf yang serupa dengan golongan normal, kerana semua al-Quran Braille adalah seragam, kecuali terdapat sedikit perbezaan cetakan yang ditawarkan oleh penerbit yang berlainan. Ini mungkin membawa kepada sedikit perbezaan dalam aspek fizikal *mushaf* tersebut. Manakala, dari segi pemilihan intonasi suara, hampir semua responden kajian menyatakan bahawa suara yang kuat dan berirama sering digunakan kerana mereka bergantung sepenuhnya kepada pendengaran untuk menghafaz dan menyemak bacaan. Jika suara yang perlahan atau sederhana digunakan, ia secara tidak langsung dapat melemahkan semangat mereka dan menyebabkan mereka mudah mengantuk. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa teknik yang digunakan telah terbukti keberkesanannya apabila semua pelajar OKU penglihatan mampu menghafaz kesemua silibus hafazan yang diperuntukkan kepada mereka pada masa dan tempoh yang telah ditetapkan. Natijahnya, kesemua pelajar memperoleh Sijil Tahfiz al-Quran dan berjaya menamatkan pengajian di Darul Quran dengan baik dan cemerlang. Ini membuktikan bahawa teknik pembelajaran yang sesuai dan berkesan mampu meningkatkan pencapaian hafazan pelajar.

PENGHARGAAN

Pengarang meramkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, dan mengucapkan terima kasih kepada semua pengarang di atas usaha dan idea dalam menghasilkan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Pengarang pertama merangka dan menulis keseluruhan manuskrip. Pengarang kedua membuat semakan akhir sebelum kesemua pengarang bersetuju menghantar manuskrip bagi tujuan penerbitan.

RUJUKAN

al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Ar-Risalah al-Mufasssolah Li Ahwal Al-Mua'allimin wa Ahkam Almu'allimin wal Muta'allim*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Selangor: Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cohen, Jacob. (1960). A Coefficient For Agreement For Nominal Scales. *Educational and Psychological Measurement*.

Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative And Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd. Razak. (2018). Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1 (1)*.

McMillan, J. H. (2004). *Educational Research Fundamentals For The Consumer*. Boston: Pearson Education, Inc.

Mohammad Asraff Ayob al-Hafiz. (2013). *Kaedah Jibril Teknik Mudah dan Praktikal Menghafaz al-Quran*. Selangor: PTS Darul Furqan.

- Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain. (2017). *Amalan Teknik Hafazan al-Quran di Darul Quran. Laporan Penyelidikan Daqul Quran*. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, Abdul Karim Toure, Abdul Muhaimin Ahmad, Mohd Nur Azam Rasdi & Nurul Asiah Fasahah Mohammad. (2016). Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Berkeperluan Khas (Penglihatan) dalam Menghafaz al-Quran: Kajian di Darul Quran, JAKIM. *Maalim al-Quran Wa al-Sunnah*. Vol.11. No.12: 109-127.
- Norakyairee Mohd Raus, Nurutthoilah Ahmad Nabil. (2017). Model dan Kurikulum Pendidikan al-Quran Holistik bagi OKU. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs1 (1)*.
- Putung, S. H., Abdul Hamid, S. N. A., Sapan, N. S., & Ramli, S. A. (2024). Tinjauan Awal Penerapan Elemen Vark Dalam Teknik Pembelajaran Dan Hafazan Al-Quran Di Malaysia. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 6 (15), 17-32.
- Sabaruddin, S. N. A. B., Ishak, H. bin, Hussin, H. binti, & Remly, M. R. Bin. (2021). Quranic Memorization Learning Practice for The Vision Impairment Student in Darul Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(5), 172–179.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin, Hamdi Ishak, Haziyah Hussin & Mohd Ridhuwan Remly. (2019). Sijil Asas Tahfiz al-Quran: Transformasi ke Arah Memartabatkan Pengajian Tahfiz al-Quran dalam Kalangan OKU Penglihatan. *Jurnal Darul Quran Bil.23*.
- Siti Nor Azimah Sabaruddin. (2019). *Amalan Pembelajarann Tahfiz al-Quran Bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan Di Darul Quran*. Tesis Doktor Falsafah. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).